



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# LESEN AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [AKTA 246]

Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang menjalankan urusan merekrut adalah **diwajibkan** mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

## Merekrut:

Aktiviti yang dijalankan termasuk pengiklanan sebagai pengantara antara majikan dan pencari kerja untuk:

- (a) menawarkan pekerjaan, mencari atau mendapatkan pekerjaan bagi pencari kerja;
- (b) menawarkan kerja, mencari atau mendapatkan pekerja bagi majikan.

### LESEN A

Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam negara.

### LESEN B

Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar negara dan pekhidmat domestik asing dalam negara.

### LESEN C

Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar negara dan bukan warganegara dalam negara.

**BEROPERASI TANPA  
LESEN APS ADALAH  
SATU KESALAHAN**

## Sabit kesalahan

- denda tidak melebihi RM200,000.00; atau
- penjara tidak lebih 3 tahun; atau
- kedua-duanya



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# LESEN AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [AKTA 246]

Syarat-syarat permohonan:

1

Sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016

- Modal berbayar (Jadual Kedua)

| Kategori Lesen | Modal Berbayar |
|----------------|----------------|
| Lesen A        | RM50,000       |
| Lesen B        | RM100,000      |
| Lesen C        | RM250,000      |

- Sekurang-kurangnya 51% syer dipegang oleh warganegara Malaysia.

2

Pengarah yang bertanggungjawab untuk urusan APS dalam borang permohonan hendaklah:

- warganegara Malaysia
- bukan seorang yang bankrup yang belum dilepaskan
- tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan berkaitan antipemerdagangan orang dan buruh paksa.

3

Mempunyai premis yang sesuai sebagaimana ditentukan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

4

Mempunyai nama syarikat yang didahului dengan perkataan "Agensi Pekerjaan".